

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

06
AUG

AIDA SYAZWANI DINOBAT ANUGERAH PEGAWAI KADET SISPA TERBAIK PERINGKAT KEBANGSAAN



SINTOK, KEDAH, 6 Ogos 2017 – Berpegang teguh kepada prinsip amanah, bertanggungjawab dan komited terhadap setiap tugas yang diberi merupakan antara kunci utama kejayaan bagi salah seorang penerima Anugerah Pegawai Kadet SISPA Terbaik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Lt. Muda (PA) Aida Syazwani Ruslan bersempena Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2017 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) Kedah hari ini.

Pelajar pengkhususan Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Pemakanan dan Nutrisi) di Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Kampus Kesihatan itu nyata gembira dengan penganugerahan tersebut selain menganggapnya sebagai pencapaian yang tidak disangka sepanjang tiga tahun menyertai badan beruniform berkenaan.

"Saya rasa sangat berbaloi apabila kemuncaknya pada hari ini, saya dianugerahkan Anugerah Pegawai Kadet SISPA Terbaik berkat dorongan dan doa ibu dan ayah serta percaya bahawa setiap usaha dan kerja keras yang dilakukan sekiranya bersungguh-sungguh pasti akan membuahkan hasil.



"Sentiasa mendengar arahan jurulatih dan buat yang terbaik dalam setiap tugas yang diberi merupakan rahsia kejayaan dalam menerima anugerah tersebut," tambah Aida.

"Perubahan positif berlaku apabila saya menyertai Kor SISPA ini antaranya saya lebih berkeyakinan apabila bercakap di khalayak, penampilan lebih kemas dan berani mengambil tanggungjawab untuk membantu selagi mana termampu.

"Selepas ini mungkin tanggungjawab lebih besar bakal digalas, namun saya komited untuk terus berbakti kepada masyarakat," katanya lagi.

Mengulas lanjut, dia berkata, menyertai Kor SISPA memerlukan komitmen yang tinggi dalam membahagikan masa antara kuliah dan kokurikulum namun kerana minat yang mendalam perkara tersebut dapat diatasi.

Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 ini mentauliahkan sejumlah 660 Pegawai Kadet SISPA dan melibatkan seramai 15 orang pelajar daripada Kampus Kesihatan.

Teks: Mohamad Iqmal Mathlan/Foto: Zulkifli Zakaria



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015